



10 Jun 2013  
10 June 2013  
P.U. (A) 174

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN  
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)  
(NO. 3) 2013

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF  
TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2013**.

(2) Subperenggan 2(*a*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 April 2013.

(3) Subperenggan 2(*b*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 April 2013.

(4) Subperenggan 2(*c*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 Ogos 2012.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan yang dibuat antara Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (“Peminjam”) dengan Pemberi Pinjam seperti yang berikut:

(*a*) Maybank Islamic Bank Berhad (“Pemberi Pinjam”) berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman berjangka (“Kemudahan”) hingga amaun agregat lima ratus juta ringgit (RM500,000,000);

(*b*) AmIslamic Bank Berhad (“Pemberi Pinjam”) berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman berjangka (“Kemudahan”) hingga amaun agregat lima ratus juta ringgit (RM500,000,000); dan